

Kajian Kes Penggunaan Gaya Pembelajaran Pelajar Pusat Pendidikan Islam Andalus, Singapura

*Kamarul Azmi Jasmi¹
Zaharuzzaman Sulaiman²

¹ Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia, qamar@utm.my

² Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS) Universiti Teknologi Malaysia, mail: zaharuzzaman@andalus.com.sg

*Corresponding author's email: zaharuzzaman@andalus.com.sg

Suggested Citation:

Sulaiman, Zaharuzzaman; Jasmi, Kamarul Azmi (2018). "Kajian Kes Penggunaan Gaya Pembelajaran Pelajar Pusat Pendidikan Islam Andalus, Singapura" in *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 2(1): 36-46, eISSN: 2600-7622.

Abstract

This study aims to investigate the correlation between students' learning style and motivation in Andalus Islamic Education Centre, Singapore. This quantitative study employed questionnaire survey as an instrument with four choices Likert Scale. By using purposive sampling technique, the survey was distributed to 108 respondents which comprised of 60 male and 48 female Secondary 3 students. The data was analyzed descriptively and inferentially by using SPSS software version 19.0. Descriptive statistics used in the study involved percentage, mean and standard deviation. The Cronbach Alpha coefficient for the instrument is 0.83. The result showed that the level of students' kinesthetic learning style is moderate with the mean score of 2.82, the level of auditory learning style is moderate with the mean score of 2.77, the level of visual learning style is moderate with the mean score of 2.66, the level of intrinsic motivation is moderate with the mean score of 2.79 and the level of extrinsic motivation is also moderate with the mean score of 2.66. Finally, findings from the correlation test indicated that there is a strong and significant correlation between students' learning style and motivation, which is ($r=0.540$, strong) at significant level of $\alpha = 0.01$.

References

- Abdull Sukor Shaari, Ab. Aziz Yusof, Mohd Khan Jamal Khan, Tang, Swee Mei & Lim Kong Teong. 2008. Keadilan Penilaian Prestasi dalam Kalangan Guru dan Hubungannya dengan Motivasi Kerja dan Prestasi Akademik Sekolah. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 15. pp. 159-176. Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. 2004. *Ihya' 'ulum al-din*. Jil. 1-5. Al-Qahirah: Dar al-Afaq al-'Arabiyah.
- Azizi Yahaya dan Nurfaizah Abd. Majid. 2011. Hubungan Antara Budaya Formal Sekolah Dan Gaya Pembelajaran Pelajar Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, Volume 2, Jun 2011, Pages 78-112
- Baharin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor dan Haliza Jaafar. 2007. *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan, UTM Johor*. Research Vote No: 71881. Universiti Teknologi Malaysia.
- Baharom Mohamad dan Iliyas Hashim. 2010. *Gaya Pengajaran & Pembelajaran*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd Barbe,
- W. B., & Swassing, R. H. 1979. *Teaching through modality strengths: Concepts and practices*. Columbus: Zaner-Bloser.
- Bass, G.M. dan Greary, W.T. 1996. *Education Research Abstracts*. *Accounting Education*, (1), 238-242.
- Bogdan, R.C. & Miklen, S.K. 2003. *Qualitative Research For Education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Cohen, L.; Manion, L. & Morrison. K. 2000. *Research Methods in Education*. Fifth Edition. London: Routledge Falmer.
- Dunkin, M.J. & B.J. Biddle. 1974. *The Study of Teaching*. New York: Holt, Rinehart, and Winston.
- George, D., & Mallery, P. 2003. *SPSS for Windows Step by Step: A Simple Guide and Reference*. 11.0 Update. 4th ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Gohel, Ketan D. 2009. *The Effect of Learner's Learning Style Based Instructional Strategy on Science Achievement of Secondary School Students*. Thesis PhD. Saurashtra University.

- Kamaruddin Ilias, Roshidah Abdul Rahman, Mubin Md Noor & Nurul Azwa Saidon. 2010. Pengaruh Gaya Pembelajaran Terhadap Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar Pra Ijazah Sarjana Muda Perguruan Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* Jilid 2. Kamarudin Hj. Husin. 201). Psikologi Pembelajaran. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Klavas, A. 1994. Learning style program boosts achievement and test scores. *Clearing House*, 67(3), 149. Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang. 2010. *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran & Pembelajaran*. Edisi Kedua. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. 2011. *Psikologi Pendidikan*. Edisi Kedua. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. Nor Zakhiah Umar. 2010. Kaedah Pengajaran Ibadah Tahun Satu Fokus Kepada Istinja. *Proceedings of International Conference on Islamic Education (ICIEd 2010)*. Bandar Baru Bangi: Persatuan Intelektual Muslim Malaysia.
- Norlia Abd. Aziz, T. Subahan M. Meerah, Lilia Halim dan Kamisah Osman. 2006. Hubungan Antara Motivasi, Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Matematik Tambahan Pelajar Tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan* 31. 123-141.
- Pallant, J. 2007. *SPSS Survival Manual*. Australia: Ligare Book Printer Sydney.
- Rajshree S. Vaishnav. 2013. *Learning Style and Academic Achievement of Secondary School Students*. *Voice of Research* Vol. 1 Issue 4.
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd. Aziz Abd. Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha dan Hazalizah Hamzah. 2012. *Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar*. Edisi Kedua. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

KAJIAN KES PENGGUNAAN GAYA PEMBELAJARAN PELAJAR PUSAT PENDIDIKAN ISLAM ANDALUS, SINGAPURA (Case Study on Learning Style Practised by Students in Andalus Islamic Education Centre, Singapore)

* Kamarul Azmi Jasmi¹, Zaharuzzaman Sulaiman²

¹Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

²Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS)
Universiti Teknologi Malaysia
54100 Kuala Lumpur, Malaysia.

*Corresponding author's email: zaharuzzaman@andalus.com.sg

Article History:

Submit: 12 May 2018

Accepted: 4 June 2018

Revised: 29 June 2018

Published: 30 June 2018

Attarbawiy: *Malaysian Online Journal of Education*

Vol. 2, No. 1 (2018), 36-46

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan gaya pembelajaran dan motivasi pelajar di Pusat Pendidikan Islam Andalus, Singapura. Kajian kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik dengan Skala Likert empat pilihan ke atas 108 orang responden yang terdiri daripada 60 pelajar lelaki dan 48 pelajar perempuan Menengah 3 dengan menggunakan persampelan bermatlamat. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian SPSS versi 19.0. Statistik deskriptif, iaitu peratusan, min, dan sisihan piawai digunakan untuk analisis taburan. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk kajian ini ialah 0.83. Hasil kajian mendapati bahawa gaya pembelajaran kinestetik berada pada tahap sederhana dengan nilai min 2.82, gaya pembelajaran auditori berada pada tahap sederhana dengan nilai min 2.77, gaya pembelajaran visual berada pada tahap sederhana dengan nilai min 2.66, motivasi intrinsik berada pada tahap sederhana dengan nilai min 2.79, dan motivasi ekstrinsik juga berada pada tahap sederhana dengan nilai min 2.66. Akhir sekali, hasil ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang kuat dan signifikan antara gaya pembelajaran dengan motivasi pelajar, iaitu ($r=0.540$, kuat) pada aras signifikan $\alpha = 0.01$.

Kata kunci: Gaya pembelajaran; motivasi; pendidikan Islam

Abstract

This study aims to investigate the correlation between students' learning style and motivation in Andalus Islamic Education Centre, Singapore. This quantitative study employed questionnaire survey as an instrument with four choices Likert Scale. By using purposive sampling technique, the survey was distributed to 108 respondents which comprised of 60 male and 48 female Secondary 3 students. The data was analyzed descriptively and inferentially by using SPSS software version 19.0. Descriptive statistics used in the study involved percentage, mean and standard deviation. The Cronbach Alpha coefficient for the instrument is 0.83. The result showed that the level of students' kinesthetic learning style is moderate with the mean score of 2.82, the level of auditory learning style is moderate with the mean score of 2.77, the level of visual learning style is moderate with the mean score of 2.66, the level of intrinsic motivation is moderate with the mean score of 2.79 and the level of extrinsic motivation is also moderate with the mean score of 2.66. Finally, findings from the correlation test indicated that there is a strong and significant correlation between students' learning style and motivation, which is ($r=0.540$, strong) at significant level of $\alpha = 0.01$.

Keywords: Learning style; motivation; Islamic education

1.0 PENGENALAN

Kegiatan pembelajaran merupakan kegiatan yang paling utama dan terpenting dalam proses pendidikan di sekolah. Terlaksana atau tidaknya pendidikan itu bergantung kepada proses pembelajaran yang berlaku di dalam kelas atau di luar kelas (Azizi & Nufaizah, 2011). Satu cara penentuan prestasi pelajar mempelajari dan menguasai ilmu adalah dengan menyedari gaya pembelajarannya.

Gaya pembelajaran yang dimiliki juga dapat membantu pelajar untuk mengenalpasti situasi pembelajaran dan mempertingkatkan prestasi pembelajaran (Baharin *et al*, 2007; Kamaruddin Ilias *et al*,

2010). Pelajar yang tahu menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan diri mereka akan lebih mudah membantu mereka mencapai keputusan yang lebih cemerlang (Bass & Greary, 1996; Klavas, 1994).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Isu permasalahan dalam pendidikan sering dilihat dari aspek pencapaian akademik pelajar yang tidak memberangsangkan. Justeru itu, pencapaian akademik yang rendah dalam kalangan pelajar PPIA perlu diberi perhatian sewajarnya. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Divisyen Pendidikan Andalus (2013), didapati kebanyakan pelajar memperoleh keputusan yang rendah dalam pencapaian akademik. Ada juga dalam kalangan mereka yang berjaya tetapi pada peringkat yang sederhana.

Pelbagai faktor yang menjadi punca kepada perbezaan pencapaian seperti latar belakang pelajar dan tahap potensi serta intelek individu. Terdapat juga faktor lain yang dikesan seperti gaya pembelajaran dan motivasi pelajar. Menurut Meor Ibrahim dan Assaadah (2011), gaya pembelajaran sangat penting bagi setiap pelajar kerana mempunyai daya pengaruh yang kuat terhadap pencapaian akademik serta menyediakan satu mekanisme pembelajaran yang dapat memberi cabaran yang betul kepada pelajar dan menyediakan maklum balas yang tepat terhadap pencapaian akademik mereka.

Aspek gaya pembelajaran yang berbeza dalam kalangan pelajar perlu dikaji untuk meneroka gaya pembelajaran yang sepadan dengan proses pembelajaran pelajar. Sebahagian pelajar memiliki gaya pembelajaran yang dominan. Terdapat juga pelajar yang menggunakan gabungan beberapa gaya pembelajaran dalam proses pembelajaran mereka. Namun sebahagian pelajar menghadapi masalah dalam mengaplikasikan gaya pembelajaran yang strategik dan sesuai dengan proses pembelajaran. Akibatnya pelajar memperoleh keputusan yang tidak memberangsangkan dalam pencapaian akademik. Hal ini disebabkan pengaplikasian gaya pembelajaran yang tidak berkesan dalam proses pembelajaran mereka.

Dapatan kajian-kajian yang lepas (Norlia et al, 2006; Baharin et al, 2007; Mohd. Nor & Hazwani, 2007) menunjukkan pencapaian yang signifikan dalam pembelajaran apabila padanan gaya pembelajaran dengan pembelajaran dilakukan. Kajian mereka mendapati pelajar yang menggunakan gaya pembelajaran yang berpadanan dengan pembelajaran mereka, mendapat keputusan lebih cemerlang.

Secara ringkasnya, gaya pengajaran guru kurang sepadan dengan gaya pembelajaran pelajar PPIA. Pelajar juga tidak tahu menguruskan dan menentukan gaya pembelajaran yang sesuai dengan mereka. Kesan ketidakfahaman tentang gaya pembelajaran antara guru dan pelajar menyebabkan pelajar kurang motivasi. Seterusnya menyebabkan pencapaian pelajar merosot (Fathurrahman, 2013). Oleh itu, satu kajian berkaitan gaya pembelajaran perlu dilaksanakan supaya guru dapat memahami gaya pengajaran yang sesuai mengikut gaya pembelajaran pelajar.

3.0 KAJIAN LITERATUR

Menurut Nor Zakiah (2010), gaya bermaksud kelakuan, stail atau cara. Maka gaya pembelajaran seseorang merujuk kepada stail atau cara pembelajarannya. Dalam konteks psikologi pendidikan, gaya pembelajaran ialah cara seseorang pelajar memberi tumpuan dan tindakan untuk memproses dan memperoleh maklumat, serta ilmu atau pengalaman yang baru.

Mengikut ahli psikologi mazhab kognitif, gaya pembelajaran merupakan pelbagai cara membuat persepsi dan memproses maklumat untuk membentuk konsep dan prinsip. Menurut Suppiah *et al* (2012), gaya pembelajaran ialah pendekatan pengajaran yang paling digemari oleh seseorang pelajar. Selain itu, gaya pembelajaran merujuk kepada keadaan bagaimana pelajar belajar dengan cara yang paling optimum. Mok (2010) menghuraikan gaya pembelajaran sebagai cara bagaimana unsur daripada lima rangsangan, iaitu persekitaran, emosi, sosial, fisiologi, dan psikologi, dapat mempengaruhi keupayaan individu untuk memahami, berinteraksi dan bertindak balas kepada persekitaran pembelajarannya. Kamarudin (2010) mentakrifkan gaya pembelajaran sebagai tingkah laku yang dimanifestasikan oleh seseorang individu apabila menggunakan mindanya berinteraksi dengan persekitaran, kemudian mengumpul, dan memproses maklumat daripadanya. Kamarudin menambah setiap orang dilahirkan dengan gaya pembelajaran yang tersendiri. Sedangkan warisan baka dan persekitaran pula memainkan peranan yang penting dalam pembentukan gaya pembelajaran seseorang. Baharom & Iliyas (2010) pula mengaitkan peribadi atau


personaliti dengan gaya pembelajaran dan mengatakan bahawa pelajar mempunyai personaliti yang berbeza dan cara belajar yang pelbagai.

Pengetahuan tentang gaya pembelajaran pelajar yang berlainan adalah penting supaya guru lebih sensitif kepada perbezaan yang wujud antara pelajar. Aspek gaya pembelajaran adalah penting kerana menjadi satu panduan kepada guru supaya mereka cipta pengalaman pembelajaran yang sesuai dengan cara pelajarnya belajar (Nor Zakiah, 2010). Jika guru dapat menyediakan satu pengalaman pembelajaran yang sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar, maka mereka dapat belajar dengan berkesan. Sebaliknya, jika guru tidak dapat memadankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan gaya pembelajaran pelajar, dia mungkin menjejaskan prestasi akademik pelajar.

Secara ringkas, gaya pembelajaran boleh dirumuskan sebagai cara atau tingkah laku pelajar memberikan tumpuan untuk memproses, mentafsir dan memperoleh maklumat, pengetahuan, kemahiran atau pengalaman baru serta membina serta merumus konsep dan prinsip.

4.0 TEORI KAJIAN

Teori yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada teori al-Ghazali (2004), Dunkin & Biddle (1974), dan model VAK oleh Barbe & Swassing (1979). Teori tersebut digabungkan untuk membentuk satu kerangka teori kajian yang khusus digunakan dalam kajian ini. Kerangka teori sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah 1.




Rajah 1: Teori Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Menurut Al-Ghazali (2004), Dunkin & Biddle (1974), dan Barbe & Swassing (1979)

Model VAK oleh Barbe & Swassing (1979) mendapati terdapat kesamaan dalam mempersembahkan gaya pembelajaran yang kerap diamalkan oleh pelajar. Model ini menghuraikan tiga gaya pembelajaran berasaskan deria penglihatan, pendengaran dan sentuhan atau gerakan iaitu visual, auditori dan kinestetik. Menurut Dunkin Dan Biddle (1974) pula, tahap pengajaran sama ada berkesan atau tidak bergantung kepada lima faktor utama, salah satu daripadanya adalah pelajar. Kejayaan pengajaran menurut teori ini bergantung kepada siapa yang diajar oleh guru, iaitu pelajar. personaliti diri, gaya pembelajaran, motivasi dan sikap pelajar adalah penentu kepada keberkesanan PdP. Teori al-Ghazali (2004) pula menekankan bahawa pengajaran melibatkan peranan guru dan pelajar. Guru yang memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran dan berkeperibadian mulia mampu memotivasikan pelajar dan menarik

perhatian mereka supaya bersedia mengikuti pengajaran guru dengan penuh minat. Seterusnya, pelajar lebih bersemangat untuk turut sama terlibat secara aktif dalam aktiviti PdP.

Berdasarkan gabungan teori al-Ghazali (2004), Dunkin & Biddle (1974), dan Barbe & Swassing (1979), pengkaji membina teori kajian yang menumpukan kepada gaya pembelajaran dan hubungannya dengan motivasi pelajar Pusat Pendidikan Islam Andalus (PPIA) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2 Teori Kajian Hubungan Motivasi Pelajar PPIA dengan Gaya Pembelajaran

5.0 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan teori kajian, pengkaji membina tiga objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini, iaitu:

- Mengenal pasti perbezaan tahap gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar PPIA ketika sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.
- Mengenal pasti perbezaan tahap motivasi pelajar PPIA ketika sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.
- Menentukan hubungan antara motivasi pelajar PPIA dengan tahap gaya pembelajaran mereka ketika sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Melalui objektif ini, kajian ini ingin menjawab hipotesis nol kajian, iaitu:

H_{01} Tidak terdapatnya hubungan yang signifikan antara motivasi pelajar PPIA dengan tahap gaya pembelajaran mereka ketika pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

6.0 REKA BENTUK DAN KESAHAN KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah bersifat kuantitatif dengan menggunakan soal selidik pelajar. Bagi mempertingkatkan kesahan kandungan dan kesahan muka soal selidik kajian, beberapa perkara dilaksanakan, iaitu membina item soalan bersama pelajar menengah tiga dan seorang guru mereka, mendapatkan persetujuan dan pengesahan empat orang pakar Pendidikan Islam pelbagai institusi yang berkaitan, dan melaksanakan kajian rintis.

Kajian rintis dilaksanakan di sebuah Pusat Pendidikan Andalus di barat Singapura dengan 37 responden daripada pelajar menengah 3. Setelah selesai kajian rintis, pengkaji melakukan beberapa perubahan terhadap item yang dianggap mengelirukan oleh responden sebelum melakukan kajian sebenar. Hasil analisis Alpha Cronbach sebagai mana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Dapatan nilai pekali kebolepercayaan Alpha Cronbach dalam Kajian Rintis

Bil.	Item	Rintis
1.	Konstruk gaya pembelajaran	0.92
2.	Konstruk motivasi	0.73

Nilai *alfa* dalam kajian rintis ini menunjukkan item mempunyai kesahan kandungan yang tinggi dan sesuai seperti dalam jadual 2. Nilai pekali alfa yang melebihi nilai 0.80 lazimnya menunjukkan aras kebolepercayaan yang tinggi dan boleh diterima (Bogdan & Biklen, 2003; Cohen *et. al.*, 2000). Namun begitu, menurut Mohamad Najib (1999), nilai pekali *alfa* 0.6 juga sudah memadai bagi soal sains sosial seperti kajian dalam pendidikan.

Jadual 2 Klasifikasi indeks kebolehppercayaan *Alpha Cronbach*

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
Sangat tinggi	>0.90
Tinggi	0.70-0.89
Sederhana	0.30-0.69
Rendah	<0.30

(George and Mallery, 2003)

7.0 LOKASI, POPULASI DAN RESPONDEN DALAM KAJIAN SEBENAR

Pengkaji telah memilih empat buah Pusat Pendidikan Islam Andalus yang terdapat pelajar menengah 3 di dalamnya. Pengkaji mengambil kira pandangan Mohd Najib (1999) untuk mengambil sekurang-kurangnya 30% responden daripada populasi jumlah keseluruhan pelajar menengah 3 di sekolah. Secara keseluruhan jumlah responden dan populasi pelajar yang diujikaji seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.

Jadual 3: Jumlah dan Peratusan Responden Soal Selidik Pelajar

Sekolah	PPIA1	PPIA2	PPIA3	PPIA4	Jumlah
Jumlah Responden Kajian	26	32	33	17	108
Jumlah Pelajar (Populasi)	36	40	50	24	150

8.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini berkisar kepada analisis tentang latar belakang. Jadual 4 menunjukkan bahawa daripada 108 orang pelajar, 55.6% adalah pelajar lelaki dan 44.4% pula adalah pelajar perempuan. Daripada 108 pelajar, 21.4% responden adalah terdiri daripada pelajar PPIA 1, 29.6% terdiri daripada pelajar PPIA 2, 30.5% pelajar PPIA 3 dan 15.7% responden adalah daripada pelajar PPIA 4.

Jadual 4: Latar Belakang Responden Pelajar PPIA

Pelajar PPIA	Kekerapan	%
Lelaki	60	55.6
Perempuan	48	44.4
Jumlah	108	100.0

Jadual 5: Pembahagian Responden Pelajar PPIA Berdasarkan Sekolah

Sekolah	Kekerapan	%
PPIA 1	26	24.1
PPIA 2	32	29.6
PPIA 3	33	30.5
PPIA 4	17	15.7
Jumlah	108	100.0

Pengkaji dalam kajian ini menggunakan jadual interpretasi yang digunakan oleh Abdull Sukor *et. al.* (2008) sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 6 bagi memberikan gambaran yang lebih mudah tentang tahap gaya pembelajaran dan tahap motivasi pelajar yang dikehendaki dalam kajian ini.

Jadual 6: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
3.01 – 4.00	Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana
1.00 – 2.00	Rendah

(Abdull Sukor *et. al.*, 2008)

Kajian ini mengkhususkan kepada tiga gaya pembelajaran visual, auditori serta kinestetik dan dipecahkan mengikut persepsi pelajar PPIA bagi mendapatkan skor min yang disusun daripada nilai tertinggi ke nilai terendah. Berdasarkan jadual 6, skor min keseluruhan gaya pembelajaran pelajar PPIA dengan min 2.74 berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian menunjukkan tahap ketiga-tiga gaya pembelajaran adalah sederhana dengan gaya pembelajaran kinestetik (min 2.82) lebih dominan berbanding gaya pembelajaran auditori (min 2.73) dan visual (min 2.66) (lihat jadual 7).

Jadual 8: Min Dan Sisihan Piawai Gaya Pembelajaran Pelajar PPIA

Gaya Pembelajaran	Min	SP
Kinestetik	2.82	0.75
Auditori	2.73	0.77
Visual	2.66	0.77
Min Keseluruhan	2.74	0.76

Soal selidik dengan 4 pilihan jawapan: 1=STS, 2=TS, 3=S, 4=SS; SP: Sisihan Piawai

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan gaya pembelajaran kinestetik dan auditori boleh dibahagikan kepada dua kategori penggunaan, iaitu tahap tinggi dan sederhana. Manakala, tahap penggunaan gaya pembelajaran visual pula boleh dibahagikan kepada tiga kategori penggunaan, iaitu tahap tinggi, sederhana, dan rendah. Penggunaan gaya pembelajaran kinestetik tahap tinggi menunjukkan bahawa pelajar PPIA ‘amat mengingati perkara yang dialami’ (min 3.31), ‘gemar belajar dengan cara melakukan sesuatu di dalam kelas’ (min 3.19), ‘seronok belajar di dalam kelas apabila membuat eksperimen’ (min 3.15), ‘amat mengingati perkara yang dilakukan’ (min 3.13), ‘belajar dengan lebih baik jika melakukan sesuatu di dalam kelas’ (min 3.06), dan ‘belajar dengan amat baik di kelas apabila mengambil bahagian dalam aktiviti berkaitan’ (min 3.01) (lihat jadual 9).

Jadual 9: Min Gaya Pembelajaran Kinestetik dan Sisihan Piawaian Pelajar PPIA Kategori Tinggi

Gaya pembelajaran kinestetik pelajar PPIA	Min	SP
Saya amat mengingati perkara yang saya alami	3.31	0.52
Saya gemar belajar dengan cara melakukan sesuatu di dalam kelas	3.19	0.64
Saya seronok belajar di dalam kelas apabila membuat eksperimen	3.15	0.76
Saya amat mengingati perkara yang saya lakukan	3.13	0.67
Jika saya melakukan sesuatu di dalam kelas, saya belajar dengan lebih baik	3.06	0.57
Saya belajar dengan amat baik di kelas apabila saya mengambil bahagian dalam aktiviti yang berkaitan	3.01	0.69

Soal selidik dengan 4 pilihan jawapan: 1=STS, 2=TS, 3=S, 4=SS; SP: Sisihan Piawai

Selanjutnya, penggunaan gaya pembelajaran kinestetik pada tahap sederhana seperti yang ditunjukkan dalam jadual 10 menunjukkan pelajar PPIA ‘selalu ucapkan, “saya tahu apa yang anda rasakan” dalam perbualan’ (min 2.85), ‘cenderung untuk membayangkan diri melakonkan cerita apabila membaca buku cerita’ (min 2.81), ‘mudah hilang tumpuan di dalam kelas jika duduk diam selama lebih daripada 30 minit’ (min 2.77), ‘selalu bermain dengan benda di atas meja di dalam kelas’ (min 2.48), ‘lebih memahami sesuatu perkara di dalam kelas apabila mengambil bahagian dalam main peranan’ (min 2.47), ‘cenderung untuk mencatat nota apabila dibentang dengan bahan baru’ (min 2.31), dan ‘suka melakonkan cerita apabila cuba mengingati perincian cerita tersebut’ (min 2.14).

Jadual 10: Min Gaya Pembelajaran Kinestetik dan Sisihan Piawaian Pelajar PPIA Kategori Sederhana

Gaya pembelajaran kinestetik pelajar PPIA	Min	SP
Dalam perbualan, saya selalu ucapkan: “Saya tahu apa yang anda rasakan.”	2.85	0.83
Apabila membaca buku cerita, saya cenderung untuk membayangkan diri saya melakonkan cerita tersebut	2.81	0.95
Saya mudah hilang tumpuan di dalam kelas jika saya duduk diam selama lebih daripada 30 minit	2.77	0.92
Dalam kelas, saya selalu bermain dengan benda di atas meja	2.48	0.79
Saya lebih memahami sesuatu perkara di dalam kelas apabila mengambil bahagian dalam main peranan	2.47	0.77
Apabila dibentang dengan bahan baru, saya cenderung untuk mencatat nota	2.31	0.85

Apabila cuba mengingati perincian sesuatu cerita, saya suka melakonkan cerita tersebut	2.14	0.74
--	------	------

Soal selidik dengan 4 pilihan jawapan: 1=STS, 2=TS, 3=S, 4=SS; SP: Sisihan Piawai

Manakala penggunaan gaya pembelajaran auditori pada tahap tinggi menunjukkan bahawa pelajar PPIA 'belajar dengan lebih baik jika seseorang memberitahu bagaimana melakukan sesuatu' (min 3.33), 'memahami dengan baik apabila guru memberikan arahan' (min 3.29), 'belajar dengan lebih baik jika guru menyampaikan penerangan' (min 3.02), dan 'belajar dengan lebih baik jika mendengar daripada seseorang' (min 3.01) (Lihat Jadual 11).

Jadual 11: Min Gaya Pembelajaran Auditori dan Sisihan Piawaian Pelajar PPIA Kategori Tinggi

Gaya pembelajaran auditori pelajar PPIA	Min	SP
Saya belajar dengan lebih baik jika seseorang memberitahu saya bagaimana melakukan sesuatu	3.33	0.66
Apabila guru memberikan arahan, saya dapat memahaminya dengan baik	3.29	0.53
Saya belajar dengan lebih baik jika guru menyampaikan penerangan	3.02	0.81
Saya belajar dengan lebih baik jika saya mendengar daripada seseorang	3.01	0.73

Soal selidik dengan 4 pilihan jawapan: 1=STS, 2=TS, 3=S, 4=SS; SP: Sisihan Piawai

Jumlah kekerapan penggunaan gaya pembelajaran auditori bagi kategori sederhana sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 12 menyaksikan bahawa pelajar PPIA 'amat mengingati perkara yang didengar' (min 2.98), 'cenderung untuk mendengar suara sendiri dalam fikiran apabila membaca buku cerita' (2.94), 'lebih mengingati perkara yang didengar di dalam kelas' (min 2.92), 'amat mengingati perkara yang diucap' (min 2.78), 'suka mendengar cerita apabila cuba mengingati perincian cerita tersebut' (min 2.75), 'mudah hilang tumpuan di dalam kelas jika terdengar sesuatu di luar' (min 2.55), 'cenderung untuk membincangkan secara lantang dengan pelajar lain apabila dibentang dengan bahan baru' (min 2.26), 'selalu ucapkan, "Saya dengar apa yang anda nyatakan" dalam perbualan' (min 2.22), 'cenderung untuk membincangkan secara lantang dengan diri sendiri apabila dibentang dengan bahan baru' (min 2.1), dan 'selalu menyanyi kepada diri sendiri dalam kelas' (min 2.09).

Jadual 12: Min Gaya Pembelajaran Auditori dan Sisihan Piawaian Pelajar PPIA Kategori Sederhana

Gaya pembelajaran auditori pelajar PPIA	Min	SP
Saya amat mengingati perkara yang saya dengar	2.98	0.64
Apabila membaca buku cerita, saya cenderung untuk mendengar suara saya sendiri dalam fikiran saya	2.94	0.87
Saya lebih mengingati perkara yang saya dengar di dalam kelas	2.92	0.66
Saya amat mengingati perkara yang saya ucap	2.78	0.63
Apabila cuba mengingati perincian sesuatu cerita, saya suka mendengar cerita tersebut	2.75	0.92
Saya mudah hilang tumpuan di dalam kelas jika saya terdengar sesuatu di luar	2.55	0.87
Apabila dibentang dengan bahan baru, saya cenderung untuk membincangkannya secara lantang dengan pelajar lain	2.26	0.82
Dalam perbualan, saya selalu ucapkan: "Saya dengar apa yang anda nyatakan."	2.22	0.77
Apabila dibentang dengan bahan baru, saya cenderung untuk membincangkannya secara lantang dengan diri sendiri	2.1	0.8
Dalam kelas, saya selalu menyanyi kepada diri sendiri	2.09	1.04

Soal selidik dengan 4 pilihan jawapan: 1=STS, 2=TS, 3=S, 4=SS; SP: Sisihan Piawai

Manakala penggunaan gaya pembelajaran visual pada tahap tinggi menunjukkan bahawa pelajar PPIA 'cenderung untuk melihat adegan di fikiran apabila membaca buku cerita' (min 3.41), 'suka membaca semula cerita apabila cuba mengingati perincian cerita tersebut' (min 3.1), 'amat mengingati perkara yang dilihat' (min 3.09), dan 'lebih memahami sesuatu dengan membaca arahan' (min 3.03) (Lihat Jadual 13).

Jadual 13: Min Gaya Pembelajaran Visual dan Sisihan Piawaian Pelajar PPIA Kategori Tinggi

Gaya pembelajaran visual pelajar PPIA	Min	SP
Apabila membaca buku cerita, saya cenderung untuk melihat adegan tersebut di fikiran	3.41	0.72
Apabila cuba mengingati perincian sesuatu cerita, saya suka membaca semula cerita tersebut	3.1	0.67
Saya amat mengingati perkara yang saya lihat	3.09	0.62
Saya lebih memahami sesuatu dengan membaca arahan	3.03	0.59

Soal selidik dengan 4 pilihan jawapan: 1=STS, 2=TS, 3=S, 4=SS; SP: Sisihan Piawai

Seterusnya, penggunaan gaya pembelajaran visual pada tahap sederhana seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 14 menunjukkan pelajar PPIA ‘mempelajari sesuatu dengan lebih baik dengan membaca apa yang ditulis oleh guru di papan tulis’ (min 2.92), ‘amat mengingati perkara yang dibaca’ (min 2.81), ‘mengingati arahan dengan lebih baik jika membacanya’ (min 2.81), ‘belajar dengan lebih baik dengan membaca’ (min 2.69), ‘selalu ucapkan, “Saya lihat apa yang anda maksudkan” dalam perbualan’ (min 2.6), ‘mudah hilang tumpuan di dalam kelas jika terlihat sesuatu berlaku di luar’ (min 2.58), ‘cenderung untuk melihat perkataan di fikiran apabila membaca buku cerita’ (min 2.57), ‘mempelajari sesuatu dengan lebih baik dengan membaca buku teks daripada mendengar penerangan guru’ (min 2.56), ‘selalu menconteng sesuatu dalam kelas’ (min 2.42), dan ‘selalu melukis dalam kelas’ (min 2.22).

Jadual 14: Min Gaya Pembelajaran Visual dan Sisihan Piawaian Pelajar PPIA Kategori Sederhana

Gaya pembelajaran visual pelajar PPIA	Min	SP
Saya mempelajari sesuatu dengan lebih baik dengan membaca apa yang ditulis oleh guru di papan tulis	2.92	0.67
Saya amat mengingati perkara yang saya baca	2.81	0.78
Jika saya membaca arahan, saya mengingatinya dengan lebih baik	2.81	0.66
Saya belajar dengan lebih baik dengan membaca	2.69	0.76
Dalam perbualan, saya selalu ucapkan: “Saya lihat apa yang anda maksudkan.”	2.6	0.85
Saya mudah hilang tumpuan di dalam kelas jika saya terlihat sesuatu berlaku di luar	2.58	0.93
Apabila membaca buku cerita, saya cenderung untuk melihat perkataan tersebut di fikiran	2.57	0.88
Saya mempelajari sesuatu dengan lebih baik dengan membaca buku teks daripada mendengar penerangan guru	2.56	0.78
Dalam kelas, saya selalu menconteng sesuatu	2.42	1.03
Dalam kelas, saya selalu melukis	2.22	0.88

Soal selidik dengan 4 pilihan jawapan: 1=STS, 2=TS, 3=S, 4=SS; SP: Sisihan Piawai

Kategori terakhir atau yang sangat tidak kerap atau lebih tepat gaya pembelajaran visual ini tidak pernah digunakan oleh pelajar PPIA ialah ‘melukis rajah apabila dibentang dengan bahan baru’ (min 1.93) dan ‘melukis carta apabila dibentang dengan bahan baru’ (min 1.86) (Lihat Jadual 15).

Jadual 15: Min Gaya Pembelajaran Visual dan Sisihan Piawaian Pelajar PPIA Kategori Rendah

Gaya pembelajaran visual pelajar PPIA	Min	SP
Apabila dibentang dengan bahan baru, saya cenderung untuk melukis rajah	1.93	0.73
Apabila dibentang dengan bahan baru, saya cenderung untuk melukis carta	1.86	0.72

Soal selidik dengan 4 pilihan jawapan: 1=STS, 2=TS, 3=S, 4=SS; SP: Sisihan Piawai

Jadual 16: Min motivasi dan sisihan piawaian pelajar PPIA

Motivasi	Min	SP
Intrinsik	2.79	0.75
Ekstrinsik	2.66	0.75
Min Keseluruhan	2.73	0.75

Soal selidik dengan 4 pilihan jawapan: 1=STS, 2=TS, 3=S, 4=SS; SP: Sisihan Piawai

Tahap motivasi pelajar secara keseluruhannya menyaksikan pelajar PPIA bermotivasi pada tahap sederhana. Dapatan menunjukkan skor min keseluruhan motivasi pelajar PPIA adalah 2.73 (Lihat Jadual 16).

Jadual 17: Korelasi Gaya Pembelajaran dengan Motivasi Pelajar PPIA

		Motivasi Pelajar	Gaya Pembelajaran Pelajar
Motivasi Pelajar	Pearson Correlation	1	.540**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N		108
Gaya Pembelajaran Pelajar	Pearson Correlation	.540**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	108	

**Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2 hujung)

Tahap kajian juga meneliti hubungan antara gaya pembelajaran terhadap motivasi pelajar PPIA. Hipotesis nol kajian ditolak kerana terdapatnya hubungan yang signifikan pada paras tinggi antara gaya pembelajaran terhadap motivasi pelajar dengan $r = 0.540$ (Lihat Jadual 17). Hal ini demikian kerana menurut Pallant (2007) bahawa nilai r pada paras 0.50 sehingga 1.00 menunjukkan korelasi signifikan pada aras tinggi (Lihat Jadual 18).

Jadual 18: Indikator Korelasi Menurut Pallant (2007)

Indikator	Nilai r
Tinggi	0.50 – 1.00
Sederhana	0.30 – 0.49
Rendah	0.10 – 0.29

Pallant (2007)

9.0 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Secara umum, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan gaya pembelajaran pelajar PPIA adalah sederhana dan gaya pembelajaran paling dominan yang diamalkan oleh pelajar adalah gaya pembelajaran kinestetik. Gaya pembelajaran kinestetik ini menunjukkan bahawa para pelajar PPIA belajar dengan baik melalui pengalaman dan terlibat secara aktif dalam aktiviti. Dapatan ini selaras dengan pandangan Gohel K.D. (2009) bahawa pengalaman dan penglibatan secara aktif dalam kelas membantu pelajar mengingat semula apa yang diajar di dalam kelas serta menjawab soalan ketika peperiksaan dan justeru membantu bagi meningkatkan prestasi pelajar.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap pelajar PPIA adalah sederhana dan motivasi pelajar yang paling dominan adalah motivasi intrinsik. Keadaan ini mungkin disebabkan dorongan yang kuat dalam diri pelajar untuk mempelajari ilmu berkaitan dengan agama Islam. Hal ini selaras dengan pandangan Mok (2011) yang menyatakan motivasi intrinsik terbina apabila terdapat dorongan dalaman di dalam diri pelajar untuk turut serta dalam pembelajaran.

Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan pada paras tinggi antara gaya pembelajaran dengan motivasi pelajar PPIA. Dapatan ini selaras dengan kajian Norlia *et. al.* (2006) dan kajian Rajshree (2013). Kajian Norlia *et. al.* (2006) menunjukkan bahawa gaya pembelajaran yang diamalkan secara berkesan berserta dorongan motivasi yang tinggi dapat meningkatkan pencapaian pelajar. Sedangkan, kajian Rajshree (2013) menunjukkan bahawa gaya pembelajaran yang mantap dapat membantu pelajar meningkatkan pencapaian mereka. Hal ini akan menjadi lebih berkesan sekiranya gaya pembelajaran itu didorong oleh motivasi pelajar.

Gaya pembelajaran merupakan penyumbang yang penting ke atas variasi dalam pencapaian (Baharin *et al.*, 2007). Hubungan yang kuat antara gaya pembelajaran dengan motivasi menunjukkan kepentingan kedua-dua pemboleh ubah tersebut ke atas pencapaian. Kesimpulan ini menegaskan bahawa kepentingan memberi tumpuan kepada gaya pembelajaran dan motivasi pelajar dalam usaha untuk membantu pelajar mempertingkatkan hasil pembelajaran mereka. Walau bagaimanapun mempunyai

motivasi yang tinggi belum mencukupi jika pelajar tidak mempunyai kemahiran gaya pembelajaran yang tinggi. Pada masa yang sama, mempunyai kemahiran gaya pembelajaran yang tinggi sahaja juga belum mencukupi jika tidak mempunyai tahap motivasi yang tinggi.

10.0 CADANGAN

Berdasarkan dapatan, beberapa cadangan dikemukakan untuk tujuan pembaikan bagi mengurangkan jurang perbezaan kekerapan penggunaan gaya pembelajaran pelajar PPIA agar motivasi pelajar berada pada aras signifikan yang tinggi terhadap pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Antaranya:

- a) Pelajar adalah dikehendaki dengan sedaya upaya mengenal pasti gaya pembelajaran masing-masing melalui sesi temubual dengan pihak kaunselor sekolah atau Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah masing-masing.
- b) Pelajar diberi pengetahuan tentang kepentingan gaya pembelajaran terhadap pembelajaran mereka.
- c) Guru hendaklah mempelbagaikan teknik, pendekatan pengajaran, bahan dan aktiviti yang disediakan mengikut aras aspirasi pelajar.
- d) Guru hendaklah meletakkan tahap profesionalisme ke tahap sebaik mungkin dalam hal-hal membimbing, memberi sokongan dan memotivasikan pelajar.
- e) Guru hendaklah menilai dan mengkaji kecenderungan pelajar dari masa ke semasa.
- f) Guru hendaklah menghidupkan persekitaran kelas yang ceria dan merangsang pembelajaran pelajar mengikut kemampuan mereka.
- g) Guru hendaklah meningkatkan kualiti penggunaan bahan bantu mengajar sesuai dengan kaedah pengajaran yang dipilih untuk mata pelajaran tersebut.
- h) Kaunselor sekolah dan guru bimbingan dan kaunseling sekolah membantu dan mengekalkan maklumat dalam mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar.
- i) Ibu bapa perlu tekankan konsep tanggungjawab sendiri dalam diri anak-anak bagi menghadapi suasana pembelajaran yang berubah mengikut masa.
- j) Ibu bapa juga hendaklah memberi sokongan padu kepada pihak sekolah dalam memenuhi keperluan pembelajaran anak-anak.
- k) Ibubapa perlu menyediakan keperluan fizikal anak-anak bagi memenuhi keperluan gaya pembelajaran anak-anak.

Demi kemajuan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam, ketiga-tiga pihak, iaitu pelajar, guru, dan ibu bapa pelajar perlulah proaktif untuk meneliti dan mengambil iktibar daripada cadangan berdasarkan hasil kajian ini.

11.0 PENUTUP

Jelas sekali, bukan sahaja pelajar perlu tahu mengurus dan menentukan gaya pembelajaran yang sesuai dengan mereka, bahkan guru seharusnya faham tentang gaya pembelajaran pelajar supaya guru dapat menyesuaikan kaedah pengajaran dengan gaya pembelajaran pelajar. Sebarang kekurangan penggunaan gaya pembelajaran yang didapati dalam kajian ini perlu diambil berat oleh pelajar dan guru PPIA untuk dijadikan iktibar serta diperbaiki agar pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam benar-benar dimartabatkan, dinamik serta progresif.

12.0 RUJUKAN

- Abdull Sukor Shaari, Ab. Aziz Yusof, Mohd Khan Jamal Khan, Tang, Swee Mei & Lim Kong Teong. 2008. Keadilan Penilaian Prestasi dalam Kalangan Guru dan Hubungannya dengan Motivasi Kerja dan Prestasi Akademik Sekolah. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 15, pp. 159-176.
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. 2004. *Ihya' 'ulum al-din*. Jil. 1-5. Al-Qahirah: Dar al-Afaq al-'Arabiyah.

- Azizi Yahaya dan Nurfaizah Abd. Majid. 2011. Hubungan Antara Budaya Formal Sekolah Dan Gaya Pembelajaran Pelajar Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, Volume 2, Jun 2011, Pages 78-112
- Baharin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor dan Haliza Jaafar. 2007. *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan, UTM Johor*. Research Vote No: 71881. Universiti Teknologi Malaysia.
- Baharom Mohamad dan Iliyas Hashim. 2010. *Gaya Pengajaran & Pembelajaran*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Barbe, W. B., & Swassing, R. H. 1979. *Teaching through modality strengths: Concepts and practices*. Columbus: Zaner-Bloser.
- Bass, G.M. dan Greary, W.T. 1996. *Education Research Abstracts*. *Accounting Education*, (1), 238-242.
- Bogdan, R.C. & Miklen, S.K. 2003. *Qualitative Research For Education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Cohen, L.; Manion, L. & Morrison. K. 2000. *Research Methods in Education*. Fifth Edition. London: Routledge Falmer.
- Dunkin, M.J. & B.J. Biddle. 1974. *The Study of Teaching*. New York: Holt, Rinehart, and Winston.
- George, D., & Mallery, P. 2003. *SPSS for Windows Step by Step: A Simple Guide and Reference*. 11.0 Update. 4th ed. Boston: Allyn & Bacon.
- Gohel, Ketan D. 2009. *The Effect of Learner's Learning Style Based Instructional Strategy on Science Achievement of Secondary School Students*. Thesis PhD. Saurashtra University.
- Kamaruddin Ilias, Roshidah Abdul Rahman, Mubin Md Noor & Nurul Azwa Saidon. 2010. *Pengaruh Gaya Pembelajaran Terhadap Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar Pra Ijazah Sarjana Muda Perguruan Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh*. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* Jilid 2.
- Kamarudin Hj. Husin. 2011). *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Klavas, A. 1994. Learning style program boosts achievement and test scores. *Clearing House*, 67(3), 149.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang. 2010. *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran & Pembelajaran*. Edisi Kedua. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. 2011. *Psikologi Pendidikan*. Edisi Kedua. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nor Zakiah Umar. 2010. *Kaedah Pengajaran Ibadah Tahun Satu Fokus Kepada Istinjak*. *Proceedings of International Conference on Islamic Education (ICIEd 2010)*. Bandar Baru Bangi: Persatuan Intelektual Muslim Malaysia.
- Norlia Abd. Aziz, T. Subahan M. Meerah, Lilia Halim dan Kamisah Osman. 2006. Hubungan Antara Motivasi, Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Matematik Tambahan Pelajar Tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan* 31. 123-141.
- Pallant, J. 2007. *SPSS Survival Manual*. Australia: Ligare Book Printer Sydney.
- Rajshree S. Vaishnav. 2013. *Learning Style and Academic Achievement of Secondary School Students*. *Voice of Research* Vol. 1 Issue 4.
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd. Aziz Abd. Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha dan Hazalifah Hamzah. 2012. *Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar*. Edisi Kedua. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.